

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH : 16.11.2016**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat kajian khusus dijalankan untuk mengenal pasti tahap stres guru-guru pada hari ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Psikologi dan Kaunseling telah menjalankan Kajian "Cross Sectional" Dimensi Stres dalam Kalangan Guru di Malaysia pada tahun 2012. Pada tahun 2014, Kajian Kesejahteraan Mental dalam Kalangan Warga Kerja Jabatan Pendidikan Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia telah dilaksanakan dalam kalangan guru di bawah naungan KPM. Dapatan kajian tahun 2014 menunjukkan bahawa tahap stres dalam kalangan guru adalah 75.2 peratus berada pada tahap normal, 16.2 peratus berada pada tahap rendah, 6.5 peratus pada tahap sederhana dan 1.9 peratus pada tahap tinggi dan sangat tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengadakan perkhidmatan sesi kaunseling individu dan sesi kaunseling kelompok yang disediakan di semua peringkat sama di Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian. Program Jelajah Psikososial, Sarana Psikososial, Klinik Bergerak dan Program Pengurusan Stres turut dijalankan di seluruh Jabatan Pendidikan Negeri mengikut zon.

RJM54